



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 8 OKTOBER 2023

- 1. GRAIN OF TRUTH – THE STAR**
- 2. KADA PERLUAS TANAMAN PADI LUAR JELAPANG – BERITA HARIAN**
- 3. SANGGUP BERATUR PANJANG BELI BERAS RM1 SEKAMPIT – BERITA HARIAN**
- 4. KAMI MENANGIS TENGOK HARGA PADI TURUN – PETANI – MINGGUAN MALAYSIA**
- 5. ‘BIAR MAHAL KAMI TETAP BELI BERA SIAM’ – KOSMO**
- 6. ‘KAMI MENANGIS TENGOK HARGA PADI TURUN - KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : THE STAR
TARIKH : 8 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA



On the beat
WONG CHUN WAI
wongchunwai@bernama.com.my

Grain of truth

There must be a reason why our staple food is hard to come by these days.

THE local rice supply shortage has raddely rattled most of us. Naturally, it's been followed by the traditional finger pointing. The grain has inexplicably vanished from supermarket shelves, while the price of imported rice has spiked.

The facts indicate that we've neglected food production - including rice farming - for decades. How many of us, especially our politicians, are truly concerned about the matter or have provided sound solutions?

The country spent about RM76bil on food imports last year, an increase from 2021's RM64bil.

Basically, 60% of Malaysia's food is imported. We are highly dependent on food and beverage products, especially raw materials for food processing such as wheat, dairy and other ingredients.

Malaysia doesn't produce enough to feed us. Cameron Highlands can't supply sufficient amounts of vegetables, and the result is us having to import

them from China, Indonesia, Argentina, Thailand and India.

The price of rice spiked when India, which accounts for 40% of the world's supply, decided to halt rice exports recently.

There was also an earlier report by Reuters saying Vietnam intends to cut its annual rice exports by 44% to four million tonnes by 2030.

But Vietnam has since denied the report, saying it will maintain the status quo.

There are many reasons why rice production has suffered. Climate change has led to erratic weather that has threatened production in India and other countries. Malaysia hasn't been spared either.

Floods, droughts and heat stress have been contributing factors, with the agricultural sector's share of the nation's GDP declining from 43.7% to 7.1% between 1960 and 2021, reveal reports.

But the situation has worsened. The national rice average yield is low, at a little over three tonnes per hectare.

The country's self-sufficiency rate was only 65% in 2021 compared

with the set target of 75% in the 12th Malaysia Plan (2021-2025).

Even Bangladesh is self-sufficient in its rice production, fish, meat and eggs. And so is Myanmar, with a self-sufficiency rate of 179.4%.

The debate may be raging over the local rice shortage, but no one seems to be able to give a definite reason for its absence from supermarkets.

There are many conspiracy theories, including blaming the present unity government and sole importer Padiberas Nasional Bhd (Bernas), hoarding by wholesalers and retailers, and suppliers repacking and mixing local rice with imported rice to make bigger profits.

Against this backdrop, many Malaysians have reduced rice consumption as the country becomes more affluent and health conscious.

But for the B40 (lower income) group, rice is a staple food, and the lack of local rice is detrimental, and predictably, the situation has been exploited politically.

According to reports, rice per capita consumption has declined



In most supermarkets, only imported rice is left on sale but its price has spiked. - Bernama

over the years from 120kg in the 1990s to 77kg in 2022.

But rice imports have still risen, going from 1.06 million tonnes in 2021 to 1.11 million tonnes in 2022.

We are feeling the pinch, or pain, now because the ringgit's value has diminished. Food production cost has also gone up because of the war in Ukraine, which has affected feed for animals as well as fertiliser.

There have been calls to end Bernas' monopoly as the sole rice importer, but many analysts are doubtful others, if allowed, are prepared to meet the conditions imposed by the government on Bernas.

Few are aware that the caveat includes buying very high quality padi from local farmers.

The Edge quoted Sarena Che Omar, Khazanah Research Institute deputy director of research, as saying, "When you buy low quality rice, you make a loss because there is a price floor".

She has some advice: "If we want to get rid of Bernas because we think that monopolies are so bad, we must make sure we put in place [someone] who will take

care of the stockpile.

"Until we settle all this, we had better be careful about what we want to kick out, as that entity may be the one keeping things going on as usual."

Bernas is paying RM1,280 per tonne even for poor quality padi because that's the price floor. Nothing less because that's the deal.

So is there a shortage of local rice? According to *The Edge*, which quoted an Agriculture and Food Security senior official, at the current rice stockpile level, it would be sufficient under normal circumstances, excluding a war or a prolonged natural disaster.

The Agriculture and Food Security Ministry needs to be given plenty of support and attention if Malaysia is serious about wanting to be self-sufficient in food production and reducing our food import bills.

We need to address some serious issues, which are the reasons for the decline in local padi production.

The price of padi is low, it is difficult to source for labour, more padi fields are being converted into development land, especially in Kedah and northern Perak, farmers are mostly senior citizens, while its low price is not making it viable for commercial farming.

We need to improve rice production beyond Kedah, Kelantan, Perlis, Perak and Selangor. The risk is too high for Malaysia to be dependent on just these few states.

If diseases or climate change affect these states, production is undoubtedly hit, immediately. Certainly, we need help from China to improve our yield using modern technologies.

It's serious food for thought for our leaders, policymakers and stakeholders.



Crop crunch: Rice farmer Muhammad Syafiq Afandy (right) inspecting his padi after a flood in Kedah. Extreme weather events have threatened rice production in many countries including Malaysia. - Bernama

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

KADA perluas tanaman padi luar jelapang

Usaha bagi tingkatkan pengeluaran beras tempatan di Kelantan

Kota Bharu: Beberapa tanah sawah di luar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan dinaik taraf sebagai kawasan penanaman padi dalam jelapang bagi meningkatkan pengeluaran beras tempatan di Kelantan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata kira-kira 121 hektar sawah di Machang sedang diusahakan sebagai permulaan untuk program berkenaan tahun ini.

"Setakat ini Kelantan tidak berdepan masalah bekalan beras kerana kita mempunyai kawasan sawah luas dan dapat menampung keperluan penduduk negeri ini.

"Kita sudah ada kira-kira 26,000 hektar tanah sawah di bawah KADA, namun kita ambil pendekatan meluaskan lagi perusahaan padi luar jelapang

secara dua kali setahun memandangkan keperluan negara terhadap beras tempatan yang belum mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada BERNAMA selepas Majlis Perasmian Sambutan Pesta Flora Negeri Kelantan yang disempurnakan oleh Sultanah Kelantan Nur Diana Petra Abdullah di Taman Perbandaran Tengku Anis, di sini malam kelmarin.

Pesta Flora Kelantan berlangsung lima hari bermula Rabu lalu sempena ulang tahun hari keputeraan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V menampilkan pelbagai acara yang mengetengahkan keunikan flora-kultur negeri itu.

Tuan Mohd Saripudin berkata, tahap kecukupan kadar sara diri (SSL) Kelantan dari segi hasil padi tahun lalu melebihi 200 peratus dan unjuran sama dijangka dapat dicapai tahun ini sekali gus membekalkan beras mencukupi untuk rakyat Kelantan.

"Langkah memperluaskan kawasan penanaman padi juga adalah bagi menyahut seruan kerajaan yang meletakkan sasaran SSL padi sehingga 75 pe-



Muhammad (enam dari kiri) pada Majlis Pelancaran Jualan Beras Putih Tempatan di Pertubuhan Peladang Kawasan Sri Gunong, Bachok, semalam.

(Foto Nur Amalina Alias/BH)

ratus, maka Kementerian Pertanian negeri yang ada kemampuan meningkatkan hasil terutamanya padi," katanya.

Aeih 32,000 BPT

Sementara itu di Bachok, KADA mengagihkan 32,000 kampil beras putih tempatan (BPT) bagi mengatasi kekurangan bekalan dalam pasaran.

Pengerusinya, Muhammad Hussin, berkata bagi tindakan itu sebanyak 320 tan BPT diagihkan ke 13 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bermula semalam.

Beliau berkata, langkah itu adalah pelan intervensi pengedaran BPT KADA untuk

memastikan beras sentiasa ada di pasaran.

Katanya, untuk peringkat pertama pihaknya menerima 32 tan BPT daripada pengilang dan akan mengagihkan dua tan setiap PPK bersamaan 200 kampil beras.

"PPK Sri Gunong menjadi pengedar utama beras dan dipasarkan di kedai milik PPK.

"Langkah ini akan berterusan sehingga bekalan BPT kembali stabil," katanya ketika ditemui pada Majlis Jualan BPT KADA di PPK Sri Gunong, Bachok, di sini semalam.

PPK Sri Gunong turut bertindak sebagai perolehan sumber bekalan, stor penyimpanan dan mengedar beras kepada PPK selian KADA membabitkan lima jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas.

Muhammad berkata, beras

dijual mengikut harga syiling ditetapkan kerajaan iaitu RM26.00 bagi berat 10 kilogram sekampil.

Sebagai jelapang padi kedua terbesar negara, KADA memiliki 26,833 hektar padi yang diusahakan petani.

"PPK Sri Gunong menjadi pengedar utama beras dan dipasarkan di kedai milik PPK.

"Langkah ini akan berterusan sehingga bekalan BPT kembali stabil," katanya ketika ditemui pada Majlis Jualan BPT KADA di PPK Sri Gunong, Bachok, di sini semalam.

PPK Sri Gunong turut bertindak sebagai perolehan sumber bekalan, stor penyimpanan dan mengedar beras kepada PPK selian KADA membabitkan lima jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas.

Muhammad berkata, beras dijangka akan meningkat pada tahun ini.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Sanggup beratur panjang beli beras RM1 sekampit

Kepala Batas: Orang ramai sanggup beratur panjang demi membeli beras putih import seberat lima kilogram (kg) pada harga RM1 sekampit di Dewan Simpang Empat, Permatang Buluh, di sini, semalam.

Pesara, Mazlan Idris, 63, berkata pada mulanya dia tidak percaya kerana harga beras berkenaan ditawarkan terlalu rendah memandangkan harga jualan runcitnya adalah RM25 untuk 5kg.

"Tapi saya mai (datang) juga beratur 7.30 pagi. Ramai lagi yang sudah sampai lebih awal. Barisan memang panjang. Tapi mereka bahagikan beberapa barisan dan juga ikut kategori warga emas dan wanita.

"Saya rasa berbaloi 8.40 pagi sudah dapat beras. Kalau jual murah begini, hari-hari beratur pun tak apa, saya sanggup," kata bapa lima anak dari Tasek Gelugor itu ketika ditemui, di sini.



Orang ramai sanggup beratur panjang demi membeli beras 5kg pada harga RM1 sekampit dianjurkan Misi Rakyat di Dewan Simpang Empat, Permatang Buluh Kepala Batas, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

Asiah Ariffin, 49, dari Padang Serai, Kedah, berkata dia bersyukur sempat singgah ke program jualan itu ketika dalam per-

jalanan pulang ke rumah orang tuanya di Permatang Binjai, di sini.

"Alhamdulillah, keluarga ka-

mi ramai. Beras 5kg ini boleh tahan dalam seminggu saja. Saya memang tidak akan melepaskan peluang kalau dapat tahu ada pro-

gram jualan murah sebegini.

"Sekarang bukan masa memilih, tak apa bersesak sedikit sebab ia memang barang keperluan harian," kata ibu kepada empat anak dan seorang cucu itu.

Dalam pada itu, penganjur yang juga Pengasas Yayasan Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd Azmi, berkata program jualan menggunakan sistem kupon bermula 9 pagi terpaksa diawalkan kerana sambutan amat menggalakkan.

"Sebanyak 1,000 kampit beras yang disediakan habis diedar kepada orang ramai dalam tempoh kurang 15 minit. Namun, masih ramai yang beratur dan ada juga datang dari Kedah dan daerah yang jauh," katanya.

Katanya, program jualan beras RM1 digerakkan sendiri *ridler* misi selepas diadakan di Manjung, Perak; Langkawi serta Sungai Petani, Kedah dan Kangar, Perlis.

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH : 8 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Kami menangis tengok harga padi turun - Petani

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: "Kami menanngis tengok harga turun kerana sekarang ini kos buat bendang semakin tinggi. Kalau RM1,700 itu selesah sikit kami, tetapi harga RM1,250 itu memang teruk. Kalau boleh kami semua mahu lari saja, tidak mahu buat bendang tetapi inilah saja kerja kami mampu buat."

Itu luahan hati seorang pesawah, Lim Han Bon, 38, dari Kampung Kuar Jawa, Alor Janggus di sini terhadap tindakan pengilang menurunkan harga belian padi di ketika lebih 50 peratus pesawah di situ masih belum menuai hasil padi mereka.

Katanya, cuma 50 orang pesawah sahaja yang sempat merasa harga padi RM1,700 satu tan, malah, harga baharu itu lebih rendah daripada harga musim lalu iaitu RM1,280 satu tan.

Han Bon adalah antara sekumpulan 30 petani yang mengadakan bantahan secara aman terhadap penurunan harga belian padi sejak 3 Oktober lalu.

Salah lagi pesawah, Salleh Ali, 60, penurunan harga tersebut disifatkan melampau dan



SEKUMPULAN pesawah yang mengadakan bantahan secara aman bagi menggesa kerajaan campur tangan dalam isu pengilang menurunkan harga belian padi di Alor Janggus, Alor Setar, semalam.

kembali menghimpit petani yang terdiri daripada golongan pendapatan rendah.

"Kami percaya ini terjadi kerana agensi yang terlibat lepas tangan dan biarkan harga padi ditentukan oleh pengilang. Petani kini jadi orang yang tidak diambil peduli oleh kerajaan.

"Dengan harga RM1,250 yang ditetapkan pengilang, kami hanya memperoleh keuntungan sekitar RM30 setiap relung," katanya.

Sehubungan itu, Salleh yang juga Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan

(PPK) Kuala Sungai menggesa kerajaan campur tangan dalam isu tersebut bagi meringankan beban petani.

"Kami berharap seandainya harga berkenaan tidak dapat dikembalikan kepada RM1,700 cukuplah dengan RM1,500 satu tan supaya petani dapat bernafas," ujarnya.

Mohd. Sobri Osman, 60, pula berkata, penurunan harga belian padi itu hanya akan menjerumuskan para petani kepada kancas kemiskinan yang berterusan.

"Kos mengerjakan bendang

termasuk menuai kini semua sudah naik. Harga mesin padi dan traktor pun sudah naik RM10 serelung apabila dengar harga padi naik tetapi kini harga padi turun semula.

"Jadi kos ini akan terus menghimpit petani. Kita sangat berharap kerajaan dan agensi terlibat serius menangani perkara ini. Harga RM1,250 ini tidak akan merubah hidup petani. Di Perak pengilang beli dengan harga RM1,400 hingga RM1,500 per tan, takkan kami perlu jual di sana," soalnya.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 8 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Orang Kelantan tidak kisah harga naik hampir 20 peratus

'Biar mahal kami tetap beli beras Siam'

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

KOTA BHARU – Biar pun harga beras Siam meningkat hampir 20 peratus berbanding sebelum ini, rata-rata penduduk di negeri tidak kisah malah sanggup berbelanja lebih demi mendapatkan bahan mentah itu.

Azmah Ismail, 60, berkata, keluarganya sudah serasi dengan beras Siam sejak lebih 30 tahun lalu dan dia sanggup merentas ke sempadan Thailand untuk membeli bahan mentah berkenaan sekiranya bekalan di sini tiada.

"Sebelum ini, harga beras Siam untuk lima kilogram (kg) dijual RM16 dan kini naik kepada RM22. Bagi kampil beras 10kg pula, naik daripada RM28 kepada RM39 untuk gred yang sederhana.

"Harga beras Siam ini bergantung kepada gred. Ada yang mahal sehingga boleh mencecah RM47 untuk 10kg.

"Setakat ini, saya masih mampu membeli beras Siam meskipun berlaku kenaikan harga sejak kebelakangan ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* Ahad di Pasar Pulau Melaka di sini, semalam.

Seorang lagi pembeli beras



SEORANG peniaga melayan pelanggan membeli beras Siam di sebuah pasar di Kota Bharu semalam.

Siam, Atikah Abdullah, 35, berkata, dia pada awalnya terkejut apabila harga beras Siam meningkat

secara mendadak sejak sebulan lalu seiring dengan harga beras tempatan.

Katanya, dia sering membeli beras Siam di zon bebas cukai Pengkalan Kubor, Tumpat kerana

harga di sana murah sekitar RM1 hingga RM2 berbanding di Kota Bharu.

"Meskipun berlaku kenaikan harga, masyarakat di Kelantan lebih suka membeli beras Siam berbanding dengan beras tempatan.

"Saya dan suami akan ke zon bebas cukai Pengkalan Kubor atau Rantau Panjang untuk membeli beras Siam. Satu guni yang mengandungi lima kampil beras 5kg sudah mencecah RM100 berbanding sebelum ini hanya RM75," ujarnya.

Seorang peniaga nasi berlauk, Ibrahim Ismail, 56, berkata, meskipun harga beras Siam mahal, dia tidak menaikkan harga makanan di premisnya.

"Saya menggunakan beras Siam untuk jualan nasi berlauk. Meskipun kos naik, saya masih mendapat untung antara RM1 hingga RM2 setiasa satu bungkus nasi.

"Beras Siam ini berbeza dengan beras tempatan. Teksturnya akan menjadi lebih besar dan berderai. Keadaan itu menyebabkan kuantiti nasi yang digunakan tidak terlalu banyak berbanding beras tempatan," katanya

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 8 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Pesawah terhimpit, dapat RM30 bagi serelung sawah **'Kami menangis lihat harga padi turun'**

Oleh JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR - Sekumpulan petani di Kampung Kuar Jawa, Alor Janggus, di sini berdemonstrasi secara aman bagi membantah penurunan harga belian padi daripada RM1,700 kepada RM1,250 per tan sejak 3 Oktober lalu.

Petani berkenaan mendakwa penurunan harga yang ditetapkan pengilang itu juga lebih rendah daripada harga belian pada musim terdahulu iaitu RM1,280 per tan.

Menurut salah seorang petani, Salleh Ali, 60, penurunan harga tersebut melampau dan kembali menghimpit petani yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

"Kami percaya ini terjadi kerana agensi yang terlibat lepas tangan dan membiarkan harga padi ditentukan oleh pengilang. Petani kini jadi orang yang tidak didendang atau diambil peduli oleh kerajaan.

"Dengan harga RM1,250 yang ditetapkan oleh pengilang ini, kami hanya memperoleh ke-

untungan sekitar RM30 setiap relung," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar selepas demonstrasi berkenaan yang disertai oleh 30 petani di Kampung Kuar Jawa di sini semalam.

Sehubungan dengan itu, Salleh yang juga Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Sungai berkata, pihaknya berharap kerajaan campur tangan dalam isu tersebut bagi meringankan beban petani.

"Kami berharap seandainya harga berkenaan tidak dapat dikembalikan kepada RM1,700 cukuplah dengan RM1,500 per tan dan barulah petani dapat bernafas," ujarnya.

Lim Han Bon, 38, pula memberitahu, keputusan pengilang menurunkan harga belian padi itu tidak adil memandangkan lebih 50 peratus petani belum menuai hasil padi masing-masing.

"Cuma 50 petani sahaja sempat merasa harga padi dijual RM1,700 per tan. Cuma dua minggu sahaja naik selepas itu terus turun.

"Kami ini menangis pun ada tengok harga turun. Kos buat bendang sekarang semakin tinggi kalau RM1,700 itu selesalah sikit kami semua. Kalau RM1,250 itu memang teruk. Kalau boleh kami semua nak lari saja tak mahu buat bendang, tetapi inilah saja kerja kami mampu buat," katanya.

Mohd. Sobri Osman, 60, menambah, penurunan harga belian padi itu hanya akan menjerumus para petani kepada kancah kemiskinan yang berterusan.

"Kos mengerjakan bendang termasuk menuai kini semua sudah naik. Harga mesin padi dan traktor pun sudah naik RM10 serelung apabila dengar harga padi naik, tetapi kini harga padi turun semula.

"Jadi kos ini akan terus menghimpit kami petani. Kita sangat berharap kerajaan dan agensi terlibat serius menangani perkara ini. Harga RM1,250 ini tidak akan merubah hidup petani. Di Perak pun pengilang membeli dengan harga RM1,400 hingga RM1500 per tan, takkan kami perlu jual di sana?" soalnya.



SEBAHAGIAN pesawah membantah harga semasa belian padi yang terlalu rendah di Kampung Kuar Jawa, Alor Janggus, Alor Setar semalam. - SHAHIR NOORDIN